

**NO. SOALAN : 48**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS,  
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. AZMAN BIN ISMAIL  
[KUALA KEDAH]**

**TARIKH : 3 NOVEMBER 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**YB Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ] minta PERDANA MENTERI menyatakan perkembangan dan kemajuan rancangan "*Indonesia, Malaysia, Thailand Growth Triangle (IMT-GT)*". Apakah faedahnya yang telah diperoleh setakat ini.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

IMT-GT merujuk kepada kerjasama ekonomi negara Indonesia, Malaysia dan Thailand untuk saling membantu dan melengkapi antara satu sama lain. Ianya merujuk kepada kerjasama memajukan sebahagian wilayah di negara-negara berkenaan. Untuk makluman Yang Berhormat, sejak penubuhan kerjasama *Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle* (IMT-GT) pada tahun 1993, pencapaian kemajuan kerjasama ini telah menarik lebih banyak negeri dan wilayah lain untuk menganggotainya.

Sehingga kini IMT-GT disertai oleh 8 negeri di Malaysia iaitu Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Kelantan, Melaka dan Negeri Sembilan, 14 wilayah di Thailand iaitu Yala, Pattani, Songkhla, Narathiwat, Satun, Trang, Phattalung, Nakhon Si Thammarat, Chumphon, Ranong, Surat Thani, Krabi, Phang Nga dan Phuket dan 10 wilayah di Indonesia meliputi Bangka-Belitung, Bengkulu, Jambi, Lampung, Riau, Kepulauan Riau, Aceh, Sumatera Utara, Sumatera Selatan dan Sumatera Barat.

Faedah, dari segi kerjasama serantau IMT-GT adalah jelas apabila kita melihat kepada statistik IMT-GT yang menunjukkan bahawa ianya telah meningkatkan taraf hidup 81 juta rakyat di kawasan IMT-GT. Purata Keluaran Dalam Negara Kasar(KDNK) per kapita dari segi pariti kuasa membeli (PPP) bagi kawasan IMT-GT kini lebih tinggi berbanding purata KDNK per kapita nasional bagi negara Indonesia, Malaysia dan Thailand dan juga berbanding di kalangan negara ASEAN.

Pada tahun 2005, KDNK nominal per kapita IMT-GT berada pada angka USD2,077 berbanding USD1,982 kombinasi KDNK Per Kapita Nasional bagi ketiga-tiga negara IMT-GT. Pada tahun 2010, angka ini telah meningkat kepada USD3,746 berbanding USD3,876 kombinasi KDNK Per Kapita Nasional bagi negara-negara IMT-GT. Dan pada tahun 2014, angka ini terus meningkat kepada USD13,484 berbanding USD12,998 KDNK Per Kapita Nasional bagi negara-negara IMT-GT, dan USD10,414 bagi KDNK Per Kapita ASEAN.

Statistik IMT-GT juga menunjukkan bahawa Malaysia menyumbang sebanyak hampir 50% kepada KDNK IMT-GT. Ini bermakna kerjasama IMT-GT mempunyai potensi dan faedah yang jelas kepada Malaysia. Selain itu, pada tahun 2014, IMT-GT telah mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan pada kadar 6.9% yang sebahagian besarnya didorong oleh prestasi pertumbuhan Indonesia. Keuntungan atau faedah bersama yang diperoleh daripada hasil kerjasama IMT-GT:

- (i) negara-negara yang terlibat saling memperolehi keuntungan dalam konteks pengaliran modal, perkongsian teknologi dan tenaga manusia dengan lebih bebas, adil dan telus;
- (ii) pembangunan produk perlancangan yang membolehkan penduduk menikmati limpahan daripada pembangunan di kawasan-kawasan yang berjiran; dan
- (iii) peningkatan aktiviti perdagangan diperingkat intra ASEAN.

Pada masa ini IMT-GT sedang di peringkat akhir penyediaan Visi Jangka Panjang IMT-GT 2036, yang akan dijadikan asas perancangan strategi pembangunan yang sangat penting di masa depan, khususnya

dengan mengambil perkembangan dan perubahan pesat ekonomi serantau dan global. Untuk mencapai Visi Jangka Panjang IMT-GT 2036 ini, perancangan Pelaksanaan Pelan Pembangunan IMT-GT Ketiga bagi tempoh lima tahun 2017-2021 adalah merupakan langkah pertama yang penting. Proses perancangan 5 tahun IMT-GT ini melibatkan konsultasi secara menyeluruh pihak-pihak yang berkepentingan termasuk pihak kerajaan tempatan dan pihak swasta untuk memastikan perkongsian manfaat dan pemilihan projek-projek yang strategik terutamanya bagi negeri-negeri IMT-GT. Selain itu, IMT-GT juga komited untuk terus menjadi salah satu blok pembangunan yang penting kepada pembentukan Komuniti ASEAN, terutama di bawah Wawasan Komuniti ASEAN 2025.

**Sekian. Terima kasih.**